



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/05/68 (HQ)

PROGRAM BERSAMA KOMUNITI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM91.89 juta pada Tahun Kewangan semasa (TK2014/2015), bagi membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempertingkat dan memperkuuhkan pelaburan di negeri tersebut.

Pengurus Besar Negeri (Pulau Pinang) Bahagian Pembahagian, Ir. Mohamed Ghous B. Ahmad, berkata, perbelanjaan tersebut adalah bagi menyediakan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang-pencawang dalam memastikan bekalan elektrik adalah sentiasa pada tahap berdaya harap yang tinggi di negeri ini.

“Hampir RM30.62 juta daripada jumlah tersebut diperuntukkan bagi memperkuuhkan sistem bekalan elektrik di Seberang Perai Utara. TNB sentiasa mengambil kira perancangan pembangunan oleh kerajaan negeri dan akan terus meningkatkan prestasi pembekalan elektrik agar boleh berdaya saing untuk menarik para pelabur asing ke negeri ini,” kata Ir. Mohamed Ghous.

Turut hadir, Ahli Parlimen Kepala Batas, Dato' Seri Reezal Merican Naina Merican, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Penaga (ADUN), Mohd. Zain Ahmad dan ADUN kawasan Bertam Shariful Azhar Othman.

Di majlis tersebut, TNB turut menyampaikan sumbangan beberapa unit perlatan elektrik seperti penghawa dingin, set komputer, kipas mudah alih, mesin pencetak dan mesin faks untuk empat (4) buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan To' Bedor, Sekolah Kebangsaan Seri Gemilang, Sekolah Kebangsaan Kuala Muda dan Sekolah Kebangsaan Paya Keladi,

Program Bersama Komuniti dahulunya dikenali sebagai Program Bersama Pemimpin Komuniti mula dilaksanakan pada tahun 2005. Ia menjadi platform kepada TNB untuk berkongsi maklumat dan perkembangan terkini operasi harian utiliti itu, selain forum untuk TNB turun padang bertemu para penggunanya dan berdialog secara terbuka dengan matlamat memperbaiki mutu perkhidmatannya kepada masyarakat.

Dikeluarkan di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang pada 23 Mei 2015

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Erza Syahanas bt. Rostam A (019-2750115)
atau Raja Mohd Aman Shah Raja Tahir (019-2168687).